

WANITA DALAM DUNIA KEWARTAWANAN: PROFESION, PROSPEK DAN MASA DEPAN DALAM INDUSTRI PERSURATKHABARAN DI SABAH

LEE KUOK TIUNG, SITI SURIANI OTHMAN, LIANA MAT NAYAN & KALAIARASI THEVAKUMAR

ABSTRACT

WOMEN IN JOURNALISME WORLD: PROFESSION, PROSPECT AND FUTURE IN NEWSPAPER INDUSTRY IN SABAH

The emergence of female journalists in Sabah's local newspapers has broken the hegemony and domination of men in the profession of journalism. However, those female journalists are still facing stereotypical perceptions towards women, particularly on the issue of gender discrimination, exploitation of women and many other feminist issues. This preliminary study was carried out to identify the reasons these women chose to become journalists and to determine the issues and challenges faced by female journalists in the newspaper industry. The findings, gathered through in-depth interviews with 12 female journalists from six newspaper companies, have identified the key factors motivating them to choose journalism to be the flexible working hours; the attractive salaries and bonus payments; and the nature of the role of a journalist, which requires lots of travel, offers good prospects to develop their careers, and also gives them the opportunities to further their studies. In terms of their job responsibilities, the news topics assigned to the female journalists covered various issues, such as society, socio-economic development, and politics affairs. Organization size was found to have an obvious influence on the tasks of female journalists compared to male. Generally, there is not much difference between female journalists and male journalists that can be highlighted as they enjoy equal treatments and benefits. Indeed in certain aspects, female journalists have advantages compare to their male colleagues. This finding also rejects the idea that there is if discrimination against or marginalization of women in journalism.

Keywords: *journalism, female journalist, marginalization, feminism, local newspaper*

PENGENALAN

Akhbar merupakan medium berita yang paling berjaya dalam mediaskap Malaysia dengan penumpuan lebih pada perkembangan politik, pertumbuhan ekonomi, dan perubahan sosial.

Seperkara yang menarik tentang industri persuratkhabaran di Malaysia ialah akhbar-akhbar bercetak semakin berkembang (di kala peringkat global menyaksikan akhbar bercetak sukar untuk dikekalkan atau terpaksa gulung tikar) bersama-sama dengan penambahan portal berita akhbar alternatif menerusi media baharu. Akhbar-akhbar nasional seperti *The Star*, *Berita Harian*, dan *Harian Metro* telah memperkenalkan edisi Sabah dan Sarawak meskipun sebahagian besar kandungannya terdiri daripada duplikasi daripada akhbar versi cetak. Seperti akhbar-akhbar yang lain, akhbar-akhbar ini mempunyai kumpulan wartawan mereka sendiri bagi menghasilkan berita mengenai peristiwa dan hal ehwal semasa yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Pada masa yang sama, industri persuratkhabaran di Malaysia turut menyaksikan peningkatan jumlah wartawan wanita seperti yang berlaku di Barat pada 1960-an sebagaimana yang dibincangkan oleh sarjana-sarjana seperti Frith dan Meech (2007), Bulkeley (2004), dan Weaver dan Wilhoit (1996).

Malah menurut Sunoo (1994), peningkatan persaingan antara akhbar secara tidak langsung telah menyumbang kepada peningkatan ini apabila syarikat akhbar mengupah wartawan wanita bagi menghasilkan berita daripada perspektif wanita selain daripada membuat segmentasi kandungan akhbar untuk mencapai khalayak sasaran yang berbeza-beza. Wartawan wanita dilihat mampu menulis dari sudut yang berlainan, malah cara mereka mendekati berita juga berbeza berbanding wartawan lelaki. Fenomena peningkatan wanita dalam dunia kewartawanan ini memecahkan tradisi yang sebelum ini menyaksikan bilik berita (*newsroom*) didominasi oleh pekerja lelaki. Perubahan yang sama juga boleh disaksikan di sektor-sektor pekerjaan yang lain. Namun apabila berbicara tentang pekerja wanita di sesetengah negara dan pekerjaan, wujud keadaan yang dipanggil “sticky floors” dan “glass ceilings”, iaitu adanya jurang pembayaran gaji disebabkan oleh gender (gaji yang berbeza untuk lelaki dan wanita) seperti yang dibincangkan oleh Maria (2011). Ketidaksamaan disebabkan gender ini dilaporkan masih berlaku di Hong Kong sehingga tekanan kerja dan keluarga yang dihadapi akhirnya menyebabkan wartawan wanita meninggalkan profesion kewartawanan mereka (Tsui & Lee 2012).

Kajian Li Lan-Qing (2004) menyatakan bahawa wartawan wanita di China sudah mula menunjukkan semangat profesional dan kualiti kerja mereka. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna wartawan wanita telah mengatasi dilema yang dihadapi mereka dalam pekerjaan seperti gangguan seksual, dipandang sebagai pekerja kelas dua, dan sebagainya. Menurut Lavie dan Lehman-Wilzig (2005), sama ada gender mempengaruhi penerbitan berita dan bagaimana ia mempengaruhinya merupakan suatu kajian yang paling mencabar dalam kajian gender dalam media. Senario ini semestinya merupakan sesuatu yang menarik untuk diselidik kerana alasan peningkatan wanita mengambil jurusan komunikasi, khususnya kewartawanan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia semata-mata tidak mencukupi untuk menjelaskan penularan fenomena ini apatah lagi prejudis terhadap wanita yang berpunca daripada diskriminasi gender dan isu-isu hangat dalam perdebatan feminisme. Yang lebih penting adalah kewartawanan di setiap negara adalah berbeza disebabkan perbezaan ideologi, kepentingan nasional dan budaya seperti yang diperkatakan oleh McQuail (2010), Deuze (2002), dan Hamelink (1983).

WANITA DALAM DUNIA KEWARTAWANAN

Seiringan dengan peningkatan wanita dalam dunia kewartawanan, kajian yang memfokuskan wartawan wanita sebagai subjek utama juga turut meningkat (Faridah Ibrahim 1990; Aldridge 2001; Peters 2001; Hemlinger 2001; Bulkeley 2004; McGill 2000; Rush, Oukrop & Sarikakis

2005; Lucy Kung 2006; Romy 2007; Williams 2010; Tomar 2011; dan Ross 2011). Meskipun autonomi—iaitu kuasa memberi arahan kerja dan memilih berita yang akan disiarkan—masih terletak di tangan pengurus dan penerbit berita yang berperanan sebagai pengampang (*gatekeeper*), keinginan untuk melihat sama ada wujud perbezaan antara wartawan wanita dengan lelaki dalam pekerjaan yang serba mencabar telah menarik perhatian penyelidik dan pengamal media sendiri. Antaranya ada yang mengkaji pengaruh wartawan dan editor wanita pada agenda berita (Weaver & Wilhoit 1991, 1996; Vos 2002; Rodgers & Thorson 2003; Craft & Wanta 2004) kerana wartawan wanita dipercayai akan membawa nilai dan sudut pandang yang berbeza ke dalam organisasi akhbar (tempat kerja) di samping bertindak sebagai ejen perubahan masyarakat. Malah menurut Gist (1993), komposisi demografi staf bilik berita dipercayai akan mempengaruhi kandungan berita.

Oleh itu, banyak kajian lepas menunjukkan variabel demografi seperti umur, jantina, tahap pendidikan, pendapatan tahunan, status perkahwinan, dan bebanan kekeluargaan menjadi faktor asas kepada tingkah laku seseorang dalam penyelidikan berkaitan dengan kepuasan kerja dan komitmen organisasi (Barrett 1984; Bruin 2000; Reinardy 2007; Mellado & Humanes 2012). Malah, identiti wanita itu sendirinya sebenarnya telah membawa nilai, minat, dan amalan kerja yang berlainan (baharu) ke dalam bilik berita. Ini mendorong munculnya dakwaan bahawa peningkatan bilangan wartawan wanita dipercayai akan menyebabkan penambahan jumlah dan prioriti terhadap jenis kandungan atau liputan akhbar yang berkaitan dengan wanita.

Menurut Barrett (1984), kepuasan kerja dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman membabitkan tekanan di dalam sesebuah organisasi berita seperti faktor operasional, struktur organisasi berita, dan lain-lain manakala faktor luaran pula melibatkan suara luar—seperti pihak kerajaan, ahli politik, pegawai perhubungan awam, jurucakap korporat—dan bahasa berita. Bagi Hardt (2005) pula faktor luaran membabitkan perundangan manakala dapatan kajian Lee Kuok Tiung dan Siti Suriani (2008) menunjukkan sesetengah media dipengaruhi kuat oleh dasar dan polisi penyiaran kerajaan seperti RTM yang mengistilahkan diri mereka “berkhidmat untuk kerajaan memerintah.” Menyentuh soal yang sama, kajian Nghidinwa (2007) di Namibia pula menunjukkan ketidaksamaan dan sistem *apartheid* merupakan tekanan terbesar kepada pekerja wanita dalam industri media. Sikap stereotaip, layanan tidak adil, gangguan daripada rakan sekerja lelaki, dan tiada jaminan kerja juga adalah antara sebab mereka meninggalkan profesion kewartawanan.

Kajian Sunoo (1994), Shah (1996), Hallahan (1999), dan Seethaler dan Oggolder (2011) menunjukkan bahawa aspek psikologi yang mendasari seseorang wartawan mempengaruhi tugas mereka dalam mengkaji maklumat serta membuat penilaian dan inferens tentang dunia sekeliling mereka. Kajian Rodgers dan Thorson (2003), Djerf-Pierre (2007), dan Hanitzsch dan Hanusch (2012) pula menunjukkan wujud hubungan dalam keutamaan sumber dengan gender yang menyaksikan wartawan wanita menggunakan sumber yang lebih pelbagai dalam pelaporan mereka, malah mereka juga menulis cerita yang lebih positif berbanding lelaki. Selain itu, kajian Weaver dan Wilhoit (1996) yang melihat perbezaan pelaporan berasaskan gender, mendapati wartawan wanita lebih banyak menggunakan sumber (aktor berita) wanita. Ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana menurut Kepplinger (1989), para wartawan menekankan fakta yang menyokong sesuatu pihak yang terlibat di dalam sesebuah konflik berdasarkan kesukaan wartawan-wartawan itu sendiri.

Walau bagaimanapun kajian Liebler dan Smith (1997) menerusi analisis kandungan berita mendapati tiada hubungan signifikan antara gender wartawan dengan sumber berita. Ini berbeza dengan kajian Delener dan Neelankavil (1990) dan Zoch dan Turk (1998) yang

menggunakan kaedah sama pada awalnya menunjukkan dapatan yang sebaliknya. Namun, menerusi kajian lanjutan, mereka mendapati wartawan wanita dan lelaki bergantung pada sumber yang sama, iaitu penekanannya ialah sumber rasmi berbanding sumber tidak rasmi. Ini mendorong mereka membuat generalisasi bahawa tiada hubungan antara gender wartawan dengan sumber berita. Namun begitu, dalam kajian itu, mereka menemui faktor yang berpengaruh, iaitu saiz organisasi akhbar dan nisbah antara wartawan dan editor wanita dengan lelaki. Ini menyokong kajian Rodgers dan Thorson (2003) yang berpendapat bahawa saiz akhbar dan nisbah wartawan wanita dengan lelaki sangat memainkan peranan penting. Begitu juga dapatan kajian Shoemaker dan Reese (1996) yang menunjukkan saiz organisasi media, keanggotaan organisasi media tersebut ke dalam sesebuah rangkaian atau kumpulan media, dan pemilikan mempengaruhi kandungan dan rutin penerbitan berita. Selain itu, pertambahan wartawan wanita turut mempengaruhi kandungan akhbar kerana nilai-nilai individu dan sikap antara wanita yang berbeza dengan lelaki akan mempengaruhi pelbagai aspek penerbitan (konstruksi) berita, output berita dan seterusnya keseluruhan kandungan akhbar yang diterbitkan.

Penemuan kajian Correa dan Harp (2011) dan Hemlinger (2001) menyokong kenyataan bahawa wujudnya perbezaan kerana cara wanita dan lelaki berfikir dan bertindak adalah berbeza. Meskipun wartawan tidak sepatutnya melibatkan pertimbangan peribadi dalam merancang penulisan mereka, komitmen kerja biasanya dipengaruhi oleh hal-hal personal. Menurut Wan Hua-Hsin (2006), interpretasi wartawan terhadap maklumat yang dikumpulkan dan analisis serta keputusan untuk mepakejkannya dipengaruhi oleh pelbagai faktor kognisi individu. Dapatan hasil kajian lepas menunjukkan bahawa kandungan berita bukannya suatu entiti yang objektif mahupun bebas daripada pengaruh politik, sosial, ideologi atau sosiopsikologi (Kobland, Du & Kwon, 1992; Shoemaker & Reese 1996; Graber 1997; Herman & Chomsky 1988; Gans 1979). Sikap berat sebelah atau *bias* dan prejudis dalam penerbitan berita boleh berlaku tanpa disedari oleh wartawan sendiri dari awal proses pemberitaan lagi, seperti menentukan siapa yang ingin dihubungi sebagai sumber berita. Dapatan kajian Scheufele (2006) menunjukkan bahawa wartawan lebih menyukai maklumat yang konsisten dengan sikap mereka atau pelaporan berita tersebut "diselaraskan" dengan kecenderungan editorial. Sungguhpun demikian, matlamat dan objektif yang ingin dicapai oleh organisasi berita dipercayai akan mengurangkan *bias* individu dan menstandardkan semua penulisan. Ideologi seseorang wartawan dengan ideologi organisasi tidak semestinya sama. Namun, apabila bekerja, akan muncul permuafakatan nilai mahupun penyesuaian harapan berasaskan matlamat untuk mencapai keharmonian mental dalam mencapai objektif kerja.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui dengan lebih terperinci kedudukan wanita dalam bidang kewartawanan di Malaysia, khususnya berkaitan dengan profesion wartawan dan amalan kewartawanan. Antara objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti sebab wanita memilih bidang kewartawanan sebagai profesion mereka di samping isu-isu serta cabaran yang sering dihadapi mereka. Kajian ini juga cuba mengkaji sama ada terdapat perbezaan keutamaan antara wartawan wanita dengan wartawan lelaki dari segi sumber berita, topik cerita, mahupun nada cerita disebabkan oleh perbezaan gender. Persoalan-persoalan penyelidikan pula merangkumi apakah kekangan berkaitan gender atau etnik, sumbangan mereka, bagaimana wartawan wanita menghadapi kekangan tersebut, dan apakah faktor yang mendorong mereka terus berkecimpung dalam dunia kewartawanan.

METODOLOGI

Bagi tujuan kajian ini, kaedah kualitatif digunakan dengan menemu bual 12 orang wartawan wanita sebagai informan kajian ini. Kriteria pemilihan informan ini adalah wartawan wanita tersebut haruslah mempunyai tugas yang berkait langsung dengan wartawan dan mewakili akhbar berbahasa Melayu, bahasa Inggeris, dan bahasa Mandarin. Skop kajian terhad pada wartawan wanita di Sabah sahaja.

Jadual 1: Bilangan wartawan (wanita dan lelaki) di Sabah

Bil	Akhbar	Bilang wartawan		Jumlah
		Wanita	lelaki	
1.	New Sabah Times	6	7	13
2.	Daily Express	12	16	28
3.	Oversea Chinese Daily News (OCDN)	1	5	6
4.	Asia Times	0	5	5
5.	Merdeka Daily News	4	7	11
6.	See Hua Daily News	13	25	38
7.	The Borneo Post	11	9	20
8.	Utusan Borneo	5	15	20
9.	Morning Post	0	2	2
10.	<i>Feng Huang Daily (Harian Tawau Express)</i>	2	8	10
11.	The Star	1	2	3
12.	Utusan Malaysia	0	3	3
13.	KOSMO	0	2	2
14.	Berita Harian	3	2	5
15.	Harian Metro	1	3	4
16.	New Straits Times	2	1	3
17.	Sin Chew Daily News	1	2	3
18.	Nanyang Siang Pao	0	0	0
19.	China Press	0	1	1
JUMLAH		62	115	177

Sumber: Kajian Lee Kuok Tiung, 2012

Sehingga 4 September 2012, terdapat 177 orang wartawan di Sabah. Angka ini tidak termasuk pemberita sambilan (*stringer*) yang bekerja untuk akhbar-akhbar di Sabah. Daripada jumlah tersebut, 62 (35.02%) orang terdiri daripada wartawan wanita yang bekerja di akhbar-akhbar tempatan dan juga nasional di Sabah. Pecahannya adalah seperti dalam Jadual 1.

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian diperolehi daripada temu bual mendalam dengan 12 orang informan yang mewakili enam buah akhbar, iaitu *Daily Express*, *New Sabah Times*, *Utusan Borneo*, *The Borneo Post*, *See Hua Daily News*, dan *Feng Huang Daily (Harian Tawau Express)*. Informan yang

ditemu bual terdiri daripada wartawan, wartawan kanan, penulis khas, dan editor yang terlibat dengan penulisan berita berat (*hard news*) dan rencana (*features*) untuk kolum khas akhbar. Rata-rata informan berasal daripada Sabah, beretnik Kadazandusun, Melayu, dan Cina serta beragama Kristian dan Islam. Majoriti daripada mereka berkelulusan universiti. Informan bergelar wartawan mempunyai pengalaman selama tiga hingga lima tahun manakala wartawan kanan pula mempunyai pengalaman selama 12 hingga 30 tahun dalam profesion kewartawanan ini.

Faktor-faktor Wanita Menceburi Dunia Kewartawanan

Kerjaya dalam bidang kewartawanan merupakan pilihan utama sebahagian besar informan dalam kajian ini. Pelbagai faktor dikenal pasti sebagai motivasi yang mendorong mereka menceburi bidang ini. Faktor utama adalah kerana minat dan sebahagian minat mereka terpupuk semasa mengikuti pengajian di universiti dalam jurusan kewartawanan. Justeru itu, mereka merasakan adalah perlu bagi mereka memasuki dunia kewartawanan untuk mencari pengalaman meskipun mengakui tidak akan berada lama dalam profesion ini. Terdapat informan memilih profesion wartawan kerana minat mereka dalam bidang penulisan sejak zaman persekolahan lagi. Bagi informan J6, motivasi diperoleh daripada ayahnya yang juga seorang wartawan separuh masa di sebuah akhbar nasional. Tidak kurang juga ada informan yang memilih profesion sebagai wartawan kerana ingin memainkan peranan aktif dalam pembangunan sosial dan politik negara. Seperkara yang menarik, terdapat informan, iaitu J7, menyatakan bahawa pengaruh filem merupakan salah satu faktor yang mendorong beliau untuk memilih profesion ini kerana setiap kali menonton filem yang melibatkan watak wartawan yang sibuk ke sana ke mari, itu mencetuskan minatnya sedikit demi sedikit terhadap bidang ini. Sungguhpun begitu, terdapat juga yang menceburi profesion ini atas dasar "cuba nasib" pada awalnya disebabkan belum mendapat pekerjaan selepas tamat persekolahan atau pengajian di IPT di samping disyorkan oleh rakan. Minat mereka terhadap bidang ini mula kelihatan selepas menceburinya dan setelah lama dalam industri berkenaan.

Sebagaimana wartawan lelaki, wartawan wanita menyedari bahawa wartawan merupakan suatu profesion yang bersifat intensif: tugasannya mencabar dengan adanya batasan masa dan tidak terjamin kerana jawatan ini lazimnya bertaraf kontrak, tidak tetap, dan tidak mempunyai pencen. Namun, disebabkan organisasi akhbar dan pihak pengurusan mengamalkan fleksibiliti asalkan tugas diselesaikan dan dihantar mengikut batasan masa yang ditetapkan. Justeru ini amat menyenangkan mereka, termasuklah wartawan lelaki. Perkembangan teknologi membantu tugas dan mempermudah kerja mereka dengan membolehkan tugas berita dihantar melalui e-mel kepada editor. Walau bagaimanapun teknologi seperti telefon bimbit, kamera digital, komputer riba, dan Internet jalur lebar turut menyebabkan deskripsi tugas mereka juga meningkat, terutama apabila mendapat panggilan mengejut daripada pihak atasan yang meminta untuk membuat sesuatu liputan dengan segera.

Kepuasan kerja yang diperoleh menjadi faktor untuk mereka terus berkecimpung dalam bidang ini. Misalnya, menurut informan J2, beliau mengambil keputusan untuk terus berada dalam bidang ini kerana kepuasan kerja yang diperoleh kerana berpeluang mewujudkan ruangan awam dan perubahan dalam komuniti melalui penulisan beritanya. Kepuasan sebagai wartawan juga dirasai berdasarkan peranan yang dimainkan mereka seperti yang diperkatakan informan A, "sebagai *reporter* Bahasa Melayu, saya juga berperanan sebagai seorang guru bahasa Melayu di mana saya harus menekankan penggunaan perkataan mengikut peredaran masa". Selain itu, perkenalan dengan menteri dan ahli politik juga

antara faktor pendorong utama wartawan meneruskan profesion mereka sebagai wartawan. Sebahagian informan merasakan diri mereka glamour dan merasa bangga kerana ramai "orang besar" dan "orang penting" ini mengenali mereka dan sentiasa membantu sekiranya memerlukan bantuan. Namun begitu, sebahagian informan pula beranggapan tiada apa-apa yang istimewa apabila mengenali menteri-menteri apatah lagi apabila berkaitan penulisan berita.

Pengumpulan dan Penerbitan Berita

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, informan yang bertugas sebagai wartawan dikehendaki membuat berita dan menghantarkannya kepada subeditor atau editor sebelum atau pada masa yang ditetapkan. Ini kerana informan yang bertugas sebagai editor seperti J10 menyatakan bahawa mereka ditugaskan untuk menyunting, menyemak, dan memilih berita serta membuat keputusan berkaitan berita yang harus diutamakan. Bagi informan J8, beliau bertanggungjawab untuk menulis rencana dan membuat liputan berita berkaitan seminar antarabangsa di samping menyunting siaran akhbar yang diterima sebelum diterbitkan sebagai berita. Di sini jelas bahawa bidang tugas seseorang wartawan wanita tiada bezanya dengan yang lelaki.

Jenis berita yang sering diliputi oleh wartawan wanita pula lazimnya berkenaan pembangunan sosioekonomi masyarakat dan isu-isu semasa seperti kesihatan, politik, ekonomi, pendidikan, hiburan, wanita, dan sebagainya. Pembahagian tugas mereka juga sama seperti wartawan lelaki, iaitu merangkumi liputan berita jenayah dan sukan yang dilihat sesetengah pihak lebih sesuai diberikan kepada wartawan lelaki. Namun begitu, saiz organisasi akhbar sebenarnya dilihat mempengaruhi pengagihan tugas. Organisasi yang bersaiz besar lazimnya mempunyai wartawan yang lebih khusus untuk setiap bidang seperti jenayah, ekonomi, politik, sukan dan sebagainya, manakala yang bersaiz kecil memerlukan wartawan yang serba boleh (*multi-tasking*). Ini jelas ketara antara akhbar nasional dengan akhbar-akhbar tempatan Sabah.

Seperti wartawan lain, wartawan wanita ini harus memahami selok-belok kewartawanan berita akhbar tempatan di Sabah. Ini penting bagi membantu mereka memahami peranan seseorang dan peranan akhbar tempatan itu sendiri dalam konteks negeri Sabah. Dalam masa yang sama, mereka—seperti juga wartawan-wartawan lain—terikat dengan perundangan komunikasi, kod etika kewartawanan, dan garis panduan organisasi akhbar masing-masing yang menentukan kebebasan mereka dalam menjalankan tugas dan sekatan-sekatan yang perlu dipatuhi.

Topik berita bergantung pada keputusan editorial yang juga berperanan sebagai pengampang (*gatekeeper*) dalam menyunting serta mengubah suai teks berita sebelum dibenarkan untuk dicetak. Akhbar tempatan di Sabah masih melaksanakan amalan bahawa editor berhak menentukan tajuk berita dan subeditor atau editor lazimnya akan menulis semula (*re-write*) berita yang dihantar oleh wartawan ke meja editorial. Selalunya persefahaman yang wujud membolehkan wartawan mengetahui gaya dan apa-apa yang dikehendaki editor mereka. Walaupun idea individu yang berbeza latar belakang akan membawa perspektif yang berlainan kepada produktiviti dan hasil kerja, ia bergantung pada personaliti dan latar belakang individu itu, bukan gendernya. Tanggapan bahawa wartawan wanita adalah lebih peka dan mempunyai cita rasa yang berbeza ternyata tidak benar.

Begitu pun, ada juga informan yang berpendapat bahawa wartawan lelaki mampu menganalisis subjek berita dengan lebih mendalam dan objektif, manakala wanita adakalanya tampak lebih beremosi. Ini dinyatakan oleh informan JF: "male can analysis more in-

depth and objective, while female sometimes emotional". Malah menurutnya, wartawan wanita adakalanya mempunyai kelebihan untuk memperoleh lebih banyak maklumat atau mengorek lebih banyak berita, terutama yang mempunyai paras rupa yang "comel". Mereka juga dikatakan "good learner", iaitu mudah mempelajari dan memahami sesuatu perkara berbanding lelaki yang memerlukan masa yang lebih untuk mempelajari seperti yang dinyatakan informan JF: "need time to 'ketuk' few times then lama-lama baru tahu".

Selain itu, wartawan wanita dilihat mempunyai keistimewaan tersendiri, terutama apabila menyentuh berita penting berkaitan wanita kerana mereka mewakili golongan ini untuk menjamin dan memperjuangkan hak-hak wanita dalam menyebarkan info-info berkaitan golongan ini. Menurut salah seorang informan, "Pertamanya, kita perlu tahu apakah isu yang kita harus tekankan, dari situ kita dapat lihat peranan wartawan wanita. Sebagai wanita, kita dapat memahami naluri wanita dengan lebih dekat berbanding wartawan lelaki kerana pemikiran lelaki dan wanita adalah berbeza."

Mengupas penggunaan sumber berita, sukar untuk mengenal pasti sama ada wujud perbezaan antara wartawan wanita dengan wartawan lelaki kerana ini bergantung pada berita yang dilaporkan. Malah, dalam kalangan wartawan itu sendiri, mereka sudah sedia maklum siapa-siapa yang harus dihubungi sebagai sumber untuk sesuatu berita. Misalnya apabila J8 yang bertanggungjawab melaporkan berita berkaitan kesihatan, pendidikan, dan wanita, memberitahu bahawa beliau sering menghadiri seminar, kempen kesihatan atau berkunjung ke hospital untuk berjumpa pakar-pakar kesihatan untuk penulisan rencana kesihatan yang ditulisnya.

Walaupun bagaimanapun, dalam soal ini dapat dilihat suatu persamaan dalam kalangan mereka iaitu keutamaan diberikan kepada sumber rasmi seperti menteri dan pemimpin utama politik. Selain itu, akses kepada sumber berita dan maklum balas komuniti terhadap berita yang disiarkan memainkan peranan sangat signifikan. Rata-rata wartawan berpendapat kemampuan memperoleh sumber yang berkredibiliti tinggi bergantung pada kenalan atau kontak mereka dalam bidang ini. Misalannya bagi isu pendidikan, seorang wartawan perlu mempunyai kontak dengan guru, guru besar atau pengetua, pensyarah, dan pegawai pendidikan dalam usaha untuk meningkatkan akses terhadap berita tersebut.

Isu dan Cabaran

Dari segi isu dan cabaran dalam bidang ini, satu perkara yang paling ketara ialah waktu bekerja yang fleksibel, iaitu wartawan boleh lewat ke pejabat sekiranya ada tugas yang perlu dilakukan. Namun, pada masa yang sama, ini bermakna wartawan perlu sentiasa bersedia untuk bekerja lebih masa atau bekerja dalam masa-masa ganjil (*odd hours*). Ini diperkatakan oleh informan J2: "Sesiapa jua dalam bidang kewartawanan harus bersedia untuk bekerja tidak tentu masa kerana sesuatu peristiwa mungkin berlaku pada bila-bila masa. Contohnya, satu kemalangan boleh berlaku pada jam 2 pagi dan wartawan perlu bersedia untuk membuat liputan berita itu." Oleh sebab itu, wartawan adakalanya tidak perlu ke pejabat pada siang hari kerana tugas pada sebelah malam akan menyebabkan mereka terpaksa pulang ke rumah pada lewat malam dan ini adakalanya menyebabkan mereka bimbang "tidak molek dipandang orang", terutamanya jiran-jiran yang tidak memahami. Ini dinyatakan oleh salah seorang informan dalam temu bual yang dijalankan: "Saya sebagai seorang wanita beragama Islam, memang cabarannya adalah kadang-kadang saya terpaksa pulang lewat malam dan ia tidak manis di pandang orang. Walaupun saya tahu apa yang saya lakukan itu tidak salah kerana kerjaya saya memang menuntut waktu bekerja sedemikian. Kalau operasi serbuan biasanya dilakukan oleh wartawan jenayah, kami yang terpaksa menyamar untuk

mendapatkan bahan berita. Kadang-kadang terpaksa bekerja sampai lewat pagi. Terpaksa basah kerana berhujan adalah perkara biasa kerana saya hanya menunggang motosikal.”

Kemajuan teknologi juga dilihat sebagai cabaran pada masa ini yang perlu didepani oleh wartawan tidak kira wanita mahupun lelaki. Ini kerana walaupun kebanyakan informan bersetuju bahawa teknologi telah mempercepat proses pelaporan dan menjimatkan masa mereka, ia perlu diteliti dan ditapis keresahannya. Menurut informan J2, “Walau bagaimanapun, cabaran yang paling jelas di era internet ini ialah dari aspek kredibiliti maklumat yang diperoleh dan digunakan oleh wartawan dalam penulisan mereka. Informan J2 juga mengingatkan pemberita supaya tidak menerima semua yang terdapat di internet sebagai fakta. Maklumat yang diperoleh boleh digunakan sebagai penyokong penemuan mereka dari sumber-sumber lain seperti keratan akhbar dan fakta dari buku atau jurnal.” Informan J1 pula berpendapat bahawa pembaca pasca zaman Internet kini sentiasa dilimpahi maklumat tanpa sempadan dan masa, dan seharusnya berita yang dilaporkan dalam akhbar juga dicabar untuk menghasilkan laporan yang dapat bersaing dengan keadaan ini.

Selain isu dan cabaran teknologi, dalam industri yang penuh mencabar ini, wartawan wanita harus sentiasa berwaspada terhadap keselamatan diri dan tidak mudah dipengaruhi oleh individu lain. Hal ini kerana wartawan berpeluang berjumpa dengan pelbagai golongan masyarakat yang mempunyai pelbagai latar belakang dan pengaruh. Maka, mereka harus mempersiapkan diri dari segi mental dan fizikal supaya dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat yang pelbagai ragam ini. Ini merupakan cabaran terutama bagi wartawan baharu. Mereka perlu keupayaan untuk menyediakan diri dengan golongan yang pelbagai itu, yang sekali gus adalah kontak sumber berita mereka. Untuk membina kontak yang kukuh dalam bidang ini menuntut masa dan pengalaman yang luas, serta pergaulan yang berbeza berbanding cara pergaulan masyarakat bukan wartawan.

Secara umumnya, informan memberitahu tidak wujud sebarang diskriminasi yang disebabkan oleh faktor gender mahupun agama dalam bilik berita mereka. Rata-rata informan berpendapat bahawa kedudukan wartawan wanita dan lelaki adalah sama, seperti yang dinyatakan informan B1, “generally both (female & male) same”. Gender tidak menjadi isu atau penghalang kepada pengagihan tugas yang sukar, kenaikan pangkat mahupun gaji, pengiktirafan, penilaian prestasi, situasi kerja, bonus, dan elaun. Malahan untuk sesetengah tugas, editor lebih suka memberikannya kepada wartawan wanita, terutama bagi berita yang dirasakan sukar diakses oleh wartawan lelaki seperti isu-isu sensitif berkaitan wanita. Antara faktor lain yang dilihat boleh mempengaruhi pengagihan tugas oleh editor kepada wartawan adalah kekananan (*seniority*) wartawan, kemampuan penulisan dalam bidang-bidang tertentu, dan pengalaman kerja yang berkait rapat dengan tempoh perkhidmatan.

Dari aspek faedah, wartawan merupakan antara pekerjaan yang dibayar bonus paling tinggi di mana bonus boleh mencecah jumlah gaji selama enam bulan. Wartawan juga memperoleh elaun pengangkutan dan telefon bimbit setiap bulan dan ini bergantung kepada wartawan tersebut bagaimana merancang untuk menggunakannya secara berhemah. Wartawan wanita juga layak mendapat cuti bersalin dua bulan secara bergaji. Selain itu, ada juga akhbar-akhbar yang kebiasaannya memberi intensif tambahan dalam bentuk lain seperti sistem merit tiga bulan yang membolehkan wartawan mendapat sejumlah insentif dalam bentuk tunai jika mereka tidak melakukan sebarang kesusilapan untuk tempoh tersebut.

Meskipun semua informan dalam kajian ini menolak adanya diskriminasi di bilik berita mereka, terdapat juga ketidakadilan yang dirasakan semua wartawan sama ada wanita mahupun lelaki, terutama berkaitan peraturan dan terma kerja di samping “politik organisasi”. Hasil temu bual mendapati bahawa adakalanya wujud amalan “berpuak” atau kumpulan-

kumpulan tertentu sehingga menyebabkan adaada kalanya yang terasa tersisih sama ada secara sengaja mahupun sebaliknya. Namun, keadaan ini bukan disebabkan oleh faktor gender, tetapi ideologi dan budaya kerja. Dari aspek perbualan, ada informan mengakui sememangnya kadang kala sesama kawan-kawan sekerja mereka menggunakan bahasa yang "nasty", tetapi difahami semua sebagai gurau senda dalam kalangan rakan rapat.

Wartawan wanita juga perlu menyeimbangkan masa antara kerja dengan keluarga. Menurut kebanyakan informan, ini bergantung pada individu untuk menguruskannya. Rata-rata informan dalam kajian ini lebih selesa meluangkan masa dengan tugas mereka sebagai wartawan kerana kebanyakannya masih belum berumah tangga. Bagi yang telah berkeluarga seperti informan J8, mereka menggunakan cuti yang diberikan setiap minggu dengan meluangkan masa sepenuhnya bersama keluarga dengan pelbagai cara termasuk beriadah. Pengurusan masa adalah sangat penting bagi informan J1, maka beliau akan menyesuaikan waktu bekerjanya dengan waktu untuk bersama keluarga. Malah, sokongan daripada keluarga yang memahami waktu bekerja beliau yang tidak teratur membantu beliau membahagikan masa dengan lebih berkesan. Namun begitu, terdapat juga informan yang rasa terkilan kerana kebanyakan editor berpendapat bahawa wartawan lelaki mempunyai lebih banyak masa untuk bekerja dan kurang tanggungjawab pada keluarga. Hal ini juga kadangkala menimbulkan tekanan kepada mereka kerana kebanyakan tugas yang lebih sukar, jauh dari segi lokasi, dan melibatkan sumber yang kompleks akan diberikan kepada mereka berbanding wartawan wanita.

Menyentuh soal pertambahan wanita dalam dunia kewartawanan, informan E2 berpendapat wartawan wanita kadangkala lebih mudah memenangi hati editor ketika ditemu duga disebabkan kelayakan akademik mereka, penampilan diri serta tanggapan pertama yang positif serta keyakinan diri dan keinginan yang ditunjukkan. Dari aspek kenaikan pangkat, terdapat wartawan wanita beralih kepada tugas pengurusan setelah berkhidmat untuk sesuatu tempoh tertentu, termasuk memegang jawatan penting dalam pengurusan akhbar seperti informan E1 yang berjawatan *Deputy Chief Editor* di salah sebuah akhbar tempatan Sabah dan informan E2 yang memegang portfolio Pengurus Besar di salah sebuah konglomerat akhbar terbesar di Malaysia.

Namun, ada juga wartawan wanita yang menolak kenaikan pangkat agar tidak dipindahkan ke kawasan lain (seperti di Kuala Lumpur atau Sandakan). Begitu juga wartawan wanita veteran yang hampir bersara memilih untuk balik dan menjadi wartawan biasa. Hal ini adalah kerana tugas editorial lazimnya bermula pada sebelah petang hingga larut malam dan kurang digemari dan dilihat sebagai kekangan kepada mereka, terutama yang berkeluarga. Ada juga yang menyatakan bahawa mereka memperoleh kepuasan yang lebih tinggi apabila bekerja di luar dan mencari berita kerana rutinnnya yang fleksibel dan bebas. Mereka juga boleh berjumpa dengan rakan-rakan dari akhbar lain dan "sumber berita yang baik hati", menghadiri jamuan, di samping melawat lokasi yang menarik di dalam dan luar negara berbanding menerima jawatan editor yang memaksa mereka lebih banyak masa duduk di pejabat bagi menyunting berita.

Menyentuh soal sosialisasi, seperkara yang menarik tentang wartawan-wartawan wanita di Sabah ini ialah persahabatan yang teguh dalam kalangan mereka yang dikenali sebagai "sister". Ini merupakan panggilan *spontaneous* yang mencerminkan keakraban mereka. Silaturahim sesama mereka sangat rapat meskipun daripada akhbar-akhbar berbeza. Mereka juga selalu bersama-sama mencari berita termasuklah berkongsi maklumat dengan rakan wartawan dari akhbar lain. Wartawan wanita juga dilihat lebih aktif menggunakan media

sosial seperti Facebook untuk berkongsi cerita tentang pengalaman kerja serta keluarga mereka.

PERBINCANGAN

Hasil temu bual yang dijalankan, didapati faktor utama wanita memilih profesion wartawan adalah kerana minat dan dorongan daripada rakan serta ahli keluarga. Selain itu, mereka juga tertarik dengan bayaran gaji dan bonus yang lazimnya diberikan berdasarkan pengalaman serta prestasi kerja di samping berpeluang untuk mengembara dan prospek yang luas untuk mengembangkan karier masing-masing.

Wartawan wanita dalam kajian ini juga menunjukkan mereka mempunyai sikap yang positif terhadap profesion mereka. Selain itu, mereka memahami tanggungjawab asasi mereka dalam industri persuratkhabaran dan sentiasa bersedia berusaha menyesuaikan diri dengannya. Ini jelas seperti yang dinyatakan oleh informan J8: "hanya wujud wartawan yang rajin atau wartawan yang malas, bukan lelaki atau wanita."

Pengiktirafan kerja dan gaji yang agak lumayan diperlukan untuk menggalakkan wartawan wanita untuk terus berkecimpung dalam profesion kewartawanan. Dari segi layanan antara gender, layanan kepada wartawan wanita dan lelaki adalah sama, termasuk dari segi peluang kenaikan pangkat, tetapi sebahagian wartawan wanita menolak kenaikan pangkat kerana kepuasan yang diperoleh lebih tinggi sebagai seorang wartawan berbanding editor. Namun, kelebihan wartawan wanita yang ketara ialah mereka lebih mudah memahami dan mendekati isu dan permasalahan wanita dengan lebih mendalam kerana dirinya sebagai wanita memainkan peranan dalam konteks ini.

KESIMPULAN

Umumnya, tidak banyak perbezaan antara wartawan wanita dengan wartawan lelaki yang boleh ditonjolkan dalam kewartawanan kontemporari di Malaysia kerana mereka mendapat hak dan layanan yang sama rata. Hasil kajian ini juga menolak pandangan bahawa berlakunya diskriminasi, marginalisasi mahupun ketidakadilan terhadap wanita dalam dunia kewartawanan di negara ini meskipun wujud perbezaan dalam sesetengah aspek yang disebabkan oleh faktor gender. Begitu pun, perbezaan yang disebabkan oleh kognitif individu bukan sahaja berlaku sesama wartawan wanita, tetapi juga wartawan lelaki. Ini juga bermakna kajian perbandingan kewartawanan di masa akan datang harus melihat faktor lain yang lebih konsisten mempengaruhi kewartawanan seperti saiz organisasi akhbar yang menentukan sama ada wartawan perlu menulis semua berita hal ehwal semasa atau mengkhusus kepada berita tertentu seperti jenayah. Berdasarkan pentambahan bilangan wartawan wanita secara konsisten dalam dunia kewartawanan, tidak mustahil suatu hari kelak profesion kewartawanan didominasi oleh kaum wanita.

RUJUKAN

- Aldridge, M. 2001. The paradigm contingent career? Women in regional newspaper journalism. *Sociological Research Online* 6 (3).
- Barrett, G.H. 1984. Job Satisfaction among newspaperwomen. *Journalism Quarterly* 6(3): 593-599.

- Bulkeley, C.C. 2004. Whose news? progress and status of women in newspapers (mostly) and television news. Dlm. *Seeking Equity for Women in Journalism and Mass Communication Education: A 30-Year Update*, ed. R.R. Tush, C.E. Oukrop, & P.J. Creedon, 183-204 Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Bruin, M. 2000. Gender, organizational and professional identities in journalism. *Journalism* 1 (2): 217-238.
- Chang, Li-jing Arthur & Brian L. Massey. 2008. Factors related to journalist job satisfaction: meta-analysis and path model. Paper presented at a session for the Media Management and Economics Division at the convention held by the Association for Education in Journalism and Mass Communication (AEJMC), in Chicago, Illinois. August.
- Correa, T. & D. Harp. 2011. Women matter in newsrooms: how power and critical mass relate to the coverage of the HPV vaccine. *Journalism & Mass Communication Quarterly* 88(2): 301-319.
- Craft, S. & W. Wayn. 2004. Women in the newsroom: influences of female editors and reporters on the news agenda. *Journalism and Mass Communication Quarterly* 81(1): 124-138.
- Delener, N., & J.P. Neelankavil. 1990. Informational sources and media usage: a comparison between Asian and Hispanic subcultures. *Journal of Advertising Research* 30: 45-52.
- Deuze, M. 2002. National news cultures: a comparison of Dutch, German, British, Australian and U.S. journalists. *Journalism and Mass Communication Quarterly* 79(1): 134-149.
- Deuze, M. 2005. Popular journalism and professional ideology: tabloid reporters and editors speak out. *Media, Culture & Society* 27(6): 861-882.
- Djerf-Pierre, M. 2007. The gender of journalism: the structure and logic of the field in the twentieth century. *Nordicom Review Jubilee Issue 2007*: 81-104.
- Elliott, P. 1978. Professional ideology and organisational change: the journalist since 1800. Dlm. *Newspaper History: from the 17th Century to the Present Day*, eds. G. Boyce, J. Curran, & P. Wingate, 172-191. London: Sage.
- Everbach, T. & L. Matysiak. 2010. Sports reporting and gender: women journalists who broke the locker room barrier. *Journal of Research and Gender* 1-21.
- Faridah Ibrahim. 1990. Wartawan wanita dalam pengurusan bilik berita: matlamat dan pencapaian. *Jurnal Komunikasi* 6: 43-50.
- Frith, S. & P. Meech. 2007. Becoming a journalist. *Journalism* 8(2): 137-164.
- Gans, H. 1979. *Deciding what's news*. New York: Patheon.
- Graber, D. A. 1997. *Mass media and American politics*. Washington, DC: CQ Press.
- Hallahan, K. 1999. Seven Models of framing: implications for public relations. *Journal of Public Relations Research* 11(3): 205-242.
- Hemlinger, M.A. 2001. *Women in Newspapers: How Much Progress Has Been Made?* Evanston, IL: Northwestern University, Media Management Center.
- Hanitzsch, T. & F. Hanusch. 2012. Does gender determine journalists' professional views? A reassessment based on cross-national evidence. *European Journal of Communication*, 27(3): 257-277.
- Hardin, M. & Shain, S. 2005. Female Sports journalists: are we the yet? 'no'. *Newspaper Research Journal* 26(4): 22-35.
- Knoppers, A., & A. Elling 2004. We do not engage in promotional journalism: discursive strategies used by sport journalists to describe the selection process. *International Review for the Sociology of Sport* 39: 57-73.

- Hamelink, C. 1983. *Cultural Autonomy in Global Communication*. Norwood, NJ: Ablex.
- Hardt, H. 2005. International labour office: conditions of work and life of journalist. *The Public* 12(1): 5-14.
- Kepplinger, H.M. & R. Kocher. 1990. Professionalism in the media world? *European Journal of Communication* 15: 285-311.
- Kinnebrock, S. 2009. Revisiting journalism as profession in the 19th century: empirical findings on women journalists in Central Europe. *Communication* 34(2): 107-124.
- Kobland, C.E., P. Du, & J. Kwon. 1992. Influence of ideology in news reporting: case study of New York Times's coverage of student demonstrations in China and South Korea. *Asian Journal of Communication* 2: 64-77.
- Lavie, A., & S. Lehman-Wilzig. 2005. The method is the message: explaining inconsistent finding in gender and news production research. *Journalism* 6(1): 66-89.
- Lee Kuok Tiung & Siti Suriani Othman. Menjejaki survivalbiliti, kebebasan dan kesamarataan media di malaysia: satu kajian kes di sabah. Kertas kerja "The International Conference on Communication and Media 2008." Kuala Lumpur, 14-16 Jun.
- Li Lan-Qing. 2004. The dilemma of Chinese women journalists. *Journal of Human Mass Media Vocational Technical College*.
- Liebler. C.M., & S.J. Smith. 1997. Tracking gender differences: a comparative analysis of network correspondents and their sources. *Journal of Broadcasting & Electronic Media* 41: 58-68.
- Lucy Kung, ed. 2006. *Leadership in the Media Industry: Changing Contexts, Emerging Challenges*. JIBS Research Reports No. 2006-1. Jonkoping, Sweden.
- Lynch, D. 1993. Catch 22? Washington newswomen and their news sources. *Newspaper Research Journal*, 14(3/4): 82-92.
- Maria, Z. 2011. 'Hitting the glass ceiling' – gender and media management in sub-Saharan Africa. *Journal of African Media Studies* 3(3): 401-415.
- McGill, L. 2000. *Newsroom diversity: Meeting the challenge*. Arlington, VA: The Freedom Forum.
- McQuail, D. 2010. *Mass Communication Theory: An Introduction* (6th Ed.). Thousand Oaks, CA, US: Sage Publications.
- Mellado, C. 2011. Modeling Individual and organizational effects on Chilean journalism: a multilevel analysis of professional role conceptions. *Comunicación y Sociedad*, 24, 269-304.
- Mellado, C., & M. L. Humanes. 2012. Modeling perceived professional autonomy in Chilean journalism. *Journalism* 13(8): 985-1003.
- Mills, K. 1997. What Difference do women journalists make? Dlm. *Women, Media, and Politics*, ed. Pippa Norris. New York, Oxford: Oxford University Press.
- Nghidinwa, M.M. 2007. The role of women journalists in Namibia's Liberation struggle, 1985-1990. Tesis Ph.D. Howard University, Washington, DC.
- Peiser, W. 2000. Setting the journalist agenda: influences from journalists' individual characteristics and from media Factors. *Journalism & Mass Communication Quarterly* 77: 243-257.
- Peters, B. 2001. *Equality and Quality: Setting Standards for Women in Journalism*. Brussels: International Federation of Journalists.
- Reich, Z. 2011. Comparing reporters work across print, radio, and online: converged origination, diverged packaging. *Journalism & Mass Communication Quarterly* 88(2): 285-300.

- Reinardy, S. 2007. Satisfaction vs. sacrifice: sports editors assess the influences of life issues on job satisfaction. *Journalism & Mass Communication Quarterly* 84(1): 105-121.
- Rodgers, S. & E. Thorson. 2003. A socialization perspective on male and female reporting. *Journal of Communication* 53(4): 658-675.
- Romy, F. 2007. Three Steps Forward and Two Back? Women Journalists in the Western World Between Progress, Standstill, and Retreat. Dlm. *Women in Mass Communication* (3rd Ed.), Pamela, J. Creedon, ed. London: Thousand Oaks
- Ross, K. & C. Carter. 2011. Women and news: a long and winding road. *Media Culture & Society* 33(8): 1148-1165.
- Rush, R.R., C.E. Oukrop, & K. Sarikakis. 2005. A Global hypothesis for women in journalism and mass communication: the ratio of recurrent and reinforced residuum. *Gazette* 67(3): 239-253.
- Scheufele, B. 2006. Frames, schemata and news reporting. *Communications* 31: 65-83.
- Seethaler, J. & C. Oggolder. 2011. *Power to the Women? Viennese Journalism in the Interwar Period*. Austrian Academy of Sciences, Vienna: Westminster Paper 8(3): 73-98.
- Shah, H. 1996. Modernization, marginalization, and emancipation: toward a normative model of journalism and national development. *Communication Theory* 6(2): 143-166.
- Shoemaker, P. & Reese, S. D. 1996) *Mediating the Message*. New York: Longman Publishers
- Sunoo, B.P. 1994. Tapping diversity in America's newsrooms. *Personnel Journal* 73: 104-111.
- Tomar, R. 2011. Gender and media: status of women journalist in Hindi print media in India. Kertas kerja pembentangan di seminar Rethinking Development in an Age of Scarcity and Uncertainty: New Values, Voices and Alliances for Increased Resilience, University of York, 19-22 September 2011. Diperoleh dari <http://eadi.org/gc2011/tomar-191.pdf>
- Tsui, Celia Y.S. & Francis Lee L.F. 2012. Trajectories of women journalists' careers in Hong Kong. *Journalism Studies* 13(3): 370-385.
- Weaver, D. H. 1996. Journalists in comparative perspective. *The Public* 3(4): 83-91.
- Weaver, D.H., & G.C. Wilhoit. 1996. *The American journalist in the 1990s: U.S. news people at the end of an era*. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Weaver, D. H., & Wu W. eds. 1998. *The Global Journalist: News People Around the World*. Cresskill, NJ: Hampton Press.
- Williams, A.L. 2010. *Post-feminism at Work?: The Experiences of Female Journalists in the UK*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah University of Nottingham.
- Zoch, L.J., & J.V. Turk. 1999. Women making news: gender as a variable in source selection and use. *Journalism & Mass Communication Quarterly* 75: 762-775.